

LEON CARE HUB

KONTRAK PERKHIDMATAN

KONTRAK PERKHIDMATAN ini dibuat pada 1 Jun 2020 di antara Leon Care Hub(sebelum ini dikenali sebagai Buffbones Orthopaedics,Physiotherapy & Rehabilitation Center) dan Ayman Abdelfattah Ashry Mohamed Abdelfattah Pasport No. A25487625

IA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1. 1. Jawatan

Jawatan yang ditawarkan adalah sebagai Pengarah di BuffbonesOrthopaedics,Physiotherapy & Rehabilitation Center.

2. 2. Tempoh Kontrak Pekerjaan

Tempoh Kontrak Pekerjaan ini adalah selama 6 tahun bermula pada1 Jun 2020 hingga 1 Jun 2026 mengikut terma dan syarat Kontrak.

3. 3. Gaji

3.1 3.1 Pekerja akan menerima gaji sebanyak RM 5,000.

3.2 3.2 Gaji hendaklah dibayar oleh Majikan berdasarkan sebulan sekalitidak lewat dari hari ketujuh bulan berikut.

3.3 3.3 Bayaran untuk gaji bulanan hendaklah dibuat menerusi akaun bankatas nama pekerja.

4. 4. Tempoh Bekerja

Waktu bekerja adalah seperti yang ditetapkan oleh pihak pengurusan iaitu dari 8am hingga 7pm setiap hari kecuali hari cuti iaitu pada setiap hari Jumaat. Sebarang perubahan masa adalah ditetapkan sepenuhnya oleh pihak pengurusan.

5. 5. Tempoh Percubaan

Anda akan melalui tempoh percubaan (probation) selama 3 bulan. Anda akan di tetapkan berdasarkan kelayakan serta kelulusan dari Majikan.

6. 6. Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab anda adalah seperti yang dibincangkan bersama pihak pengurusan. Sebarang perubahan dan tambahan tugas akan dibincangkan dari semasa ke semasa. Kami yakin anda akan mampu menggalas tugas yang diberikan. Walau bagaimanapun, jika anda menghadapi sebarang kesulitan, anda dialu-alukan merujuk kepada pihak pengurusan.

7. 7. Cuti Umum

7.1 7.1 Pekerja akan diberi cuti umum mengikut cuti umum yang telah dibenarkan oleh Majikan.

7.2 7.2 Jika Pekerja, atas permintaan majikan, bersetuju untuk bekerja pada hari cuti umum, pekerja tersebut akan dibayar elaun mengikut kadar yang ditetapkan.

8. 8. Cuti Tahunan

Anda diberikan cuti tahunan sebanyak 30 hari setahun yang diberikan secara pukul rata (prorated). Permohonan cuti hendaklah dilakukan 1 minggu lebih awal.

9. 9. Cuti Sakit

Pekerja adalah berhak ke atas cuti sakit sebanyak 20 hari setahun bersama bukti salinan dari klinik-klinik yang diiktiraf.

10. **10. Penamatan Kerja**

Sepanjang tempoh perkhidmatan ini, kedua-dua pihak boleh menamatkan perkhidmatan melalui pemberian notis 2 bulan. Sekali lagi, selamat datang dan kamiberharap kehadiran anda akan memajukan organisasi ini.

